

Meritokrasi mesti ikut sistem kuota

KEBIBANGGAN orang Melayu terhadap dasar meritokrasi, akhirnya terjawab apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan walaupun meritokrasi dilaksanakan, sistem kuota 55:45 akan dikekalkan.

Sistem kuota 55 peratus untuk Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera yang diguna pakai selama ini bagi menentukan kemasukan ke universiti, antaranya bagi menjamin peluang kemasukan Bumiputera ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Penjelasan Dr Mahathir mengenai pengkealkan kuota pelajar Bumiputera ke IPTA itu juga menetapkan mereka perlu mencapai tahap kelulusan lebih tinggi untuk melayakkan diri, sekali gus memaksa pelajar menumpu perhatian pada pelajaran di samping perlu ada sikap bersaing.

Wartawan *Berita Harian*, **HATIPAH AHMAD**, menyingsap bagaimana meritokrasi membantu aspirasi kerajaan meningkatkan tahap pencapaian pelajar Bumiputera.

AKIKATNYA, kebimbangan masyarakat Melayu hari ini terhadap rancangan kerajaan untuk melaksanakan dasar meritokrasi bagi pengambilan pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ama dirasai golongan pemikir Melayu stika zaman penjajahan.

Pemikir Melayu seperti Datuk Onn Jaafar, Taba dan Yunus Abdullah risau dengan sadaan ini kerana dasar meritokrasi yang amalkan British terang-terangan menekan asyarakat Melayu sehingga ke dasar. Penserah di Jabatan Sejarah Universiti alaya (UM), Prof Datuk Dr Ramlah Adam, erkata kesan daripada kebimbangan itu rjaya melahirkan semangat beberapa arat orang Melayu ketika itu untuk maju in mementingkan pendidikan, di samping idakan segera yang dilaksanakan mementah Melayu.

"Bagaimanapun, masalahnya berbeza hari i kerana kita bercakap mengenai usaha enanganis sekelompok masyarakat Mela i yang bermasalah dan tidak mementing-

kan pelajaran, jadi mungkin dasar meritokrasi perlu untuk menyedarkan mereka," kata-nya.

Kata Dr Ramlah, walaupun sikap dan pendedahan masyarakat kini terhadap pendidikan sudah berubah tetapi hakikat-nya, masih ada orang Melayu tidak sedar dan menganggap pendidikan tidak penting.

Katanya, dengan ada sikap begini, pelajar lebih suka ponteng sekolah, membuat perkara tidak berfaedah, bercinta pada usia awal, perasaan lebih dan menyalahgunakan duit ibu bapa untuk membeli baju, alat solek atau berjudi di kompleks beli-belah.

Bagi ibu bapa pula, mereka tidak mementingkan pendidikan tetapi lebih suka hiburan, menghisap rumah, kerjaya sendiri daripada anak ataupun mereka tidak memberi perserikitaan yang selesa dan sesuai untuk anak belajar.

"Jika kita bercakap mengenai kumpulan bermasalah seperti ini, pastinya ia bukan

Sistem meritokrasi tidak boleh dilaksanakan secara terbuka kerana dikhuatiri cara ini akan menjejaskan masa depan, nasib dan peluang anak Melayu yang bermasalah

dituju kepada seluruh masyarakat Melayu, saya berpendapat meritokrasi sebenarnya memang perlu diamalkan.

"Walaupun kerajaan sedar bukan semua orang Melayu cemerlang dalam pelajaran tetapi hakikatnya, kita perlu ambil anak Melayu yang terbaik saja untuk masuk universiti.

"Bagaimanapun, meritokrasi yang perlu kita amalkan untuk masyarakat hari ini mesti yang bukan bersifat terbuka seperti dilakukan penjajah ataupun di Singapura.

"Jika dasar meritokrasi dilaksanakan se-

cara terbuka, saya khuatir ia akan menjejaskan masa depan, nasib dan peluang anak Melayu yang bermasalah," katanya.

Dr Ramlah berkata, mungkin segelintir kecil orang Melayu boleh menerima cabaran tetapi bagi mereka yang bermasalah kerana tiada ada dorongan kerajaan, ibu bapa atau kemudahan lain dan perhatian guru, mungkin mereka akan kecundang dan tidak cemerlang.

Katanya, ini menyebabkan jumlah anak Melayu berjaya berkurangan, ditambah pula jika negara tiada dasar yang boleh memberi kelebihan atau peruntukan untuk mereka cemerlang.

"Saya pasti golongan bermasalah ini akan kecundang kerana mereka terpaksa bersaing secara sama rata," katanya.

Dr Ramlah berkata, jika kerajaan ingin melaksanakan meritokrasi dalam bidang pendidikan di Malaysia, ia perlu berdasarkan kepada idea pemikir Melayu itu iaitu peluang hanya diberi kepada orang yang terbaik dalam masyarakat Melayu.

Ini bermakna, dasar meritokrasi yang hendak dijalankan mestilah masih menggunakan sisten kuota, katanya.

"Jika kita tidak menggunakan sistem kuota, kita akan meletakkan orang Melayu sekarang berada ketika pada zaman British dulu. Ini kerana kesedaran orang Melayu masih kurang, malah sikap mereka juga masih banyak 'tidak betul' lagi," katanya.

Dr Ramlah berkata, British menegakkan meritokrasi kerana mereka tidak ingin memajukan anak tempatan, sebaliknya hanya memberi peluang kepada anak negeri mereka saja iaitu di Negeri Selat.

Katanya, di Negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu, usaha untuk memajukan anak tempatan adalah masalah pemerintah negeri itu sendiri dan bukannya penjajah.

Mengikot sejarah, katanya, dasar meritokrasi sememangnya menjadi amalan British kerana mereka menawarkan skim biasiswa yang diberi kepada rakyat yang pandai di jajahan takluknya di Negeri Selat iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura.

Pemberian biasiswa itu adalah sebagai melaksanakan tanggungjawab British dalam memajukan pendidikan Inggeris dan biasiswa

hanya diberi kepada mereka yang mengambil subjek tertentu seperti Perubatan, Kejuruan teraan dan Undang-Undang.

"Biasiswa yang diberi tidak banyak, hanya dua saja setiap tahun dan selalunya yang menerimanya ialah orang bukan Melayu.

"Bagi Inggeris, tujuan biasiswa itu disebabkan mereka menganggap rakyat yang tinggal di Negeri Selat sebagai rakyat yang tidak ada perlindungan daripada sesiapa termasuk orang Melayu.

"Mereka dipanggil rakyat wilayah kecil British, bermakna mereka adalah warga British di jajahan British yang tidak ada raja atau perlindungan Melayu," katanya.

Dr Ramlah berkata, dasar meritokrasi yang diamalkan itu menyebabkan orang Melayu di Negeri Selat tidak mendapat kemudahan, keistimewaan dan perlindungan yang membolehkan mereka maju, bukan saja dalam pendidikan tinggi tetapi juga pada peringkat sekolah menengah.

"Selain skim biasiswa, ada satu lagi biasiswa kecil diberi iaitu biasiswa wilayah orang rakyat. Malangnya, orang Melayu di Negeri Selat tidak pernah berjaya mendapatnya dan ini menyebabkan mereka tidak maju," katanya.

Dr Ramlah berkata, kegagalan mereka mendapat biasiswa bukan disebabkan tidak pandai tetapi mereka tidak diberi ruang dan kesedaran yang sama seperti anak dagang lain.

Katanya, ini menjadikan kebanyakan mereka kurang minat kepada ilmu. Tambahan pula, orang Melayu ketika itu tidak berwang, miskin dan tiada semangat, rangkain dan pendidikan yang baik.

"Sebab itulah, kemajuan hanya diperoleh orang dagang kerana bapa mereka terdiri daripada peniaga dan orang kaya," katanya.

Ramlah berkata, Za'ba, Datuk Onn Jaafar dan Yunus Abdullah melihat keadaan itu dengan rasa bimbang.

Mereka menulis mengenai Melayu yang ketinggalan dalam pelajaran, miskin, kurang dalam bidang profesional seperti doktor, jurutera dan guru kerana tidak mendapat pendidikan dan pekerjaan yang baik.

"Apabila rencana dibaca, ia menyedarkan sebilangan orang Melayu untuk memajukan anak mereka dalam pendidikan tetapi ia tidak mendapat dorongan daripada pemerintah British," katanya.

Oleh itu, pelbagai jalan dilakukan antaranya mewujudkan Biasiswa Sultan Ibrahim, iaitu biasiswa pertama yang diperkenalkan untuk memajukan anak Melayu di Johor.



LAJAR yang berusaha bersungguh-sungguh akan menikmati kejayaan cemerlang. - Gambar hiasan